

## GARIS PANDUAN PENYEBARAN MAKLUMAT MELALUI INFO UTeM.

### 1.0 TUJUAN

- a) Garis panduan ini menerangkan tatacara penyiaran hebahan maklumat melalui email Info UTeM ([info@utem.edu.my](mailto:info@utem.edu.my)).
- b) Penyiaran maklumat email melalui Info UTeM dikendalikan sepenuhnya oleh Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK)

### 2.0 PANDUAN

- a) Sebaran maklumat Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan kepada semua staf dan pelajar boleh disalurkan melalui kemudahan email Info UTeM .
- b) Maklumat yang dihebahkan melalui Info UTeM adalah maklumat yang perlu diketahui dan mempunyai kepentingan kepada seluruh warga UTeM.
- c) Maklumat hebahan adalah seperti maklumat rasmi universiti termasuk pekeliling, garis panduan, majlis rasmi Universiti, seminar ,wacana, persidangan, serta sebarang maklumat umum yang lain seperti berita tahniah, berita takziah,aktiviti sukan dan aktiviti kebudayaan.
- d) Maklumat berbentuk peribadi seperti jualan, promosi, jemputan perkahwinan, ucapan selamat dan segala bentuk hebahan daripada seseorang individu tidak akan disebar.
- e) Pihak Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan perlu **menyemak** dan **memastikan** segala maklumat di dalam email yang ingin disalurkan adalah bebas daripada sebarang kesilapan seperti kesilapan ejaan, capaian URL , lampiran dan sebagainya.
- f) Setiap hebahan yang ingin diemailkan perlulah disertakan bersama maklumat penama yang bertanggungjawab terhadap email. Ini adalah bertujuan untuk memudahkan staf/pelajar mendapatkan maklumat atau penjelasan lanjut sekiranya berkenaan.
- g) Pihak PPPK tidak akan mengambil tindakan terhadap pertanyaan lanjut berkenaan email yang telah dihantarkan.

### 3.0 JANGKA MASA DAN CARA PENYEBARAN

- a) Setiap hebahan yang ingin disalurkan perlulah dihantar ke email Info UTeM selewat-lewatnya dua (2) hari sebelum acara bermula. Permohonan hanya akan diproses pada waktu/hari bekerja sahaja.
- b) Namun begitu, penghantar email boleh menghubungi pihak PPPK sekiranya terdapat hebahan yang perlu disalurkan pada kadar segera.
- c) Semua hebahan perlulah diemelkan ke [info@utem.edu.my](mailto:info@utem.edu.my) atau menghubungi talian 06 270 1149